



**TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI ABANG ABDUL WAHAP BIN HAJI
ABANG JULAI
DATUK BANDAR KUCHING UTARA
*TREE PLANTING PROGRAMME IN CONJUNCTION WITH CITY DAY &
EARTH HOUR CHALLENGE*
29 JULAI 2015**

Terima kasih saudara/saudari Pengerusi Majlis

Bismillahirrahmanirrahim.....

Yang Berusaha Dr. Jason Hon

Head Of Conservation, *World Wildlife Fund* Malaysia (Sarawak)

Yang Berbahagia Dato Wee Hong Seng

Ahli Dewan, Dewan Bandaraya Kuching Utara

Yang Berusaha Dr. Saadiah Haji Abdul Samat

Pengarah, Dewan Bandaraya Kuching Utara

Pegawai-pegawai kanan DBKU

Para peserta *Tree Planting Programme In Conjunction With City Day &
Earth Hour Challenge*

Rakan Media serta

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.....

Pertama sekali, saya ingin merafakkan rasa syukur yang tidak terhingga kehadiran Allah SWT kerana dengan izinNya kita dapat hadir bersama-sama pada pagi yang ceria ini di Majlis Menanam Pokok sempena DBKU's Earth Hour City Challenge.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang turut hadir bagi menjayakan program kita pada pagi ini. Saya yakin, kehadiran kita pada pagi ini menunjukkan keprihatinan serta komitmen padu kita untuk sama-sama menyemarakkan lagi semangat menyayangi, melindungi, memelihara dan memulihara alam sekitar yang merupakan khazanah berharga negara dan juga dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Seperti yang kita sedia maklum, Dewan Bandaraya Kuching Utara sentiasa komited dan sangat prihatin dalam usaha-usaha untuk memelihara dan memulihara alam sekitar. Komitmen dan keprihatinan ini dapat dilihat melalui penglibatan DBKU yang sangat aktif dalam menjalankan aktiviti penanam pokok seperti *Arbor Day* dan juga Program *Greening Our School*.

Selain itu, kami juga mempunyai *Tree Bank* di mana tersimpannya banyak anak-anak pokok. Untuk makluman semua juga, anak-anak pokok tersebut boleh diagihkan kepada mana-mana Jabatan atau Agensi Kerajaan Sarawak yang sangat memerlukannya memerlukannya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pada hari ini, sekali lagi DBKU meneruskan dan melebarkan lagi aktiviti penanaman pokok. Maka pada pagi ini, DBKU dengan kerjasama pihak WWF telah merealisasikan dengan menganjurkan Majlis Menanam Pokok sempena DBKU's Earth Hour City Challenge.

DBKU's Earth Hour City Challenge ini merupakan program susulan yang dianjurkan bersama dengan Tabung Alam Sedunia atau *World Wildlife Fund (WWF)* setelah penganjuran Program *Earth Hour 2015* yang telah diadakan pada 28 Mac 2015 yang lepas.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, semasa Program *Earth Hour 2015* yang lepas DBKU telah tampil dengan dua **Ikrar / Pledges** sempena Earth Hour 2015 iaitu :-

1. Menanam 3 Pokok untuk Setiap Pokok yang Ditebang

"To plant the three trees for every tree falled"

2. Penggunaan Styrofoam / Polistrin adalah dilarang sama sekali dalam setiap penganjuran aktiviti / program DBKU

"To go Styrofoam free in all of its events and activities"

Saya percaray, ini merupakan antara ikhtiar terbaik untuk menyelamatkan bumi di mana kedua-dua ikrar tersebut akan kami terapkan dalam semua aktiviti ataupun program yang kami jalankan sepanjang tahun.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebagaimana yang kita sedia maklum, negara kita Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan flora dan fauna selain daripada mempunyai kepelbagaian biologi yang tersendiri. Oleh yang demikian, kita seharusnya bersyukur dengan anugerah alam semulajadi tersebut yang telah dikurniakan dan diwariskan oleh Allah SWT kepada kita.

Sebagai penghuni yang tinggal di muka bumi ini kita seharusnya memelihara dan memulihara anugerah tersebut. Kita seharusnya membantu dan menyokong aktiviti-aktiviti menanam semula pokok-pokok yang telah dimusnahkan selaras dengan apa yang telah disarankan oleh saya sendiri semasa Hari Arbor yang lepas iaitu "Tebang Satu Pokok, Tanam 3 Pokok".

Tuan-tuan dan puan-puan,

Ingin saya nyatakan di sini bahawa saya berasa amat gembira kerana pada masa sekarang sudah ada ramai warga Bandaraya Kuching yang telah menunjukkan rasa prihatin dan menunjukkan komitmen mereka ke arah perlindungan alam sekitar melalui aktiviti penanaman pokok serta aktiviti memelihara dan juga memelihara alam sekitar.

Ini adalah kerana mereka telah faham tentang pentingnya untuk menanam pokok. Pokok adalah aset penting yang memerlukan penjagaan dan penyelenggaraan yang sama seperti harta benda awam yang lain. Mereka bekerja 24 jam setiap hari agar kita dapat menikmati kualiti alam sekitar yang lebih baik. Oleh itu, usaha untuk menanam pokok adalah sangat penting untuk memastikan persekitaran kita dikelilingi oleh persekitaran hijau selama-lamanya, ia juga mampu mengekalkan kestabilan ekosistem bumi di mana kita hidup.

Tugas memelihara dan memulihara alam sekitar pula adalah tanggungjawab sejagat kita bersama. Saya berpendapat bahawa adalah amat penting untuk kita semua untuk tidak hanya mengambil minat yang mendalam dalam memelihara dan memulihara alam sekitar sahaja, kerana tindakan yang terbaik untuk melaksanakan idea ini adalah dengan menanam pokok yang baru. Dengan cara ini, kita akan membuat isyarat penting kepada negara dan dunia dalam menunjukkan kebimbangan global kita dan pada masa yang sama membuat kita sendiri prihatin terhadap penjagaan alam sekitar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Dengan adanya program penanaman pokok, secara tidak langsung, kita dapat membantu mengekalkan dan memulihara alam sekitar. Walaupun usaha-usaha yang kita lakukan pada hari ini adalah sesuatu yang amat kecil tetapi pada masa akan datang ia akan memberi kesan dan impak yang sangat besar kepada ekosistem dunia. Oleh itu, saya amat menggalakkan seluruh warga kota untuk bersatu tenaga dan bersama-sama berusaha menanam pokok dan menjaganya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Dalam keghairahan kita menanam pokok, kita juga perlu mengambil berat tentang penjagaan pokok seperti memelihara dan menyelenggara pokok yang kita tanam mahupun pokok yang telah sedia tumbuh. Dengan adanya pengurusan risiko pokok tumbang kita mampu menyelenggara pokok yang telah kita tanam dengan lebih baik dan sistematik. Malahan ianya juga mampu menjamin keselamatan terhadap orang serta harta benda awam.

Akhir sekali, pada kesempatan ini saya ingin menyeru kepada semua yang hadir di sini untuk memberikan kerjasama yang sepenuhnya atas setiap program penanaman pokok yang bakal dianjurkan sama ada oleh Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri. Anggaplah ia sebagai sumbangan dan kerja amal kita kepada negara dan juga alam semesta.

Apa yang pasti, sumbangan dan kerja amal daripada tuan-tuan dan puan-puan ini dapat membantu kmk memantapkan lagi pelaksanaan Pelan Penambahbaikan Bandaraya Kuching 2013-2017 (Cantik, Bersih dan Selamat). Percayalah sumbangan, komitmen, sokongan serta penglibatan anda semua amatlah kami hargai.

Let us begin the planting now for the future!!!!

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....